

**PENERAPAN ELEMEN KEROHANIAN DALAM PROGRAM  
PENJAGAAN KEBERSIHAN SEKOLAH MENENGAH DI  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

Mohd Taufik Mohd Ayup Ahmad Nasir Mohd Yusoff

**ABSTRAK**

Menjaga kebersihan, keceriaan dan keselamatan kawasan persekitaran bukan perkara kecil dalam agenda pembangunan negara. Kebersihan persekitaran yang baik mendorong pelestarian tamadun yang stabil. Ibn Khaldun dalam '*al-Muqadimah*', menghuraikan kepentingan menjaga kebersihan udara di kawasan yang didiami. Gas-gas yang kotor yang terbebas ke udara akan mencemarkan udara yang bersih dan mengganggu kesihatan masyarakat setempat. Kesihatan masyarakat yang merundum menjadikan masyarakat lemah dan lebih mudah menghidap pelbagai penyakit. Pelbagai gejala pencemaran berlaku pada zaman kini seperti pencemaran air dan udara, lambakan sampah serta saliran dan sungai dipenuhi sampah sarap. Isu dan masalah yang diceritakan Ibn Khaldun seperti pernyataan di atas berlaku pada abad ke-14 sudah menjadi kebimbangan yang besar pada ketika itu dan ini memberikan gambaran bahawa taraf kebersihan pada masa kini berada dalam tahap yang buruk. Amalan menjaga kebersihan, keindahan dan keselamatan diberikan perhatian dalam sistem pendidikan sekolah-sekolah di Malaysia melalui Program 3K (Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan Alam Sekitar). Objektif penulisan ini ingin mengenal pasti pengetahuan pelajar sekolah menengah di Selangor terhadap Program 3K berkaitan kebersihan, kerohanian dalam program penjagaan kebersihan dalam Program 3K di sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor, keberkesanan Program 3K dan persepsi pelajar terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan kawasan persekitaran.

**Kata kunci :** penerapan, kerohanian, penjagaan kebersihan, sekolah menengah

**IMPLEMENTATION OF SPIRITUAL ELEMENTS IN  
CLEANLINESS CARE PROGRAMME AT SECONDARY  
SCHOOL IN STATE OF SELANGOR**

**ABSTRACT**

*Maintaining cleanliness, cheerfulness and safety of the surrounding area is not a small matter in the country's development agenda. Good*

*environmental hygiene encourages the preservation of stable civilization. Ibn Khaldun in 'al-Muqadimah' (Introduction), outlines the importance of maintaining cleanliness of the air in the inhabited area. Dirty gases released into the air will pollute clean air and disturb the health of the local community. The health of the affected people makes the community weaker and easier to suffer from various diseases. Various symptoms of pollution apply today such as water and air pollution, littering of garbage and rivers and rivers filled with trash. The issues and problems told by Ibn Khaldun such as the above statement are valid in the 14th century had become a great hesitation at that time and this illustrates that the level of cleanliness at present is in a bad stage. The goal of maintaining cleanliness, beauty and safety has been given attention in the education system of schools in Malaysia through the 3K Program (Safety, Cleanliness and Beauty of the Surrounding Environment) S. The objective of this writing is to get to know the knowledge of high school students in Selangor about the 3K Program relating to cleanliness, spirituality in the program of maintaining hygiene in the Program 3K in secondaries schools in Selangor country, 3K Program ordering and students' perceptions of the responsibility of maintaining environmental hygiene.*

**Keywords:** implementation, spirituality, maintenance of cleanliness, secondary school

## PENDAHULUAN

Bagi membicarakan soal kerohanian, penulis mengemukakan teori yang dikaitkan dalam kajian ini iaitu 'Teori Perkembangan Moral dan Etika'. Etika dan moral sangat sesuai digunakan terhadap masyarakat majmuk di Malaysia. Di sesebuah kawasan masyarakat, lazimnya terdapat amalan budaya moral dan etika yang sama seperti bertolak ansur apabila mengadakan majlis kenduri dan keraian. Hal ini bermaksud nilai moral dan etika yang diajarkan dalam pelbagai kitab ajaran dan kepercayaan, mengandungi nasihat- nasihat dan saranan yang sama. Dalam agama Islam, Kristian, Buddha dan Hindu melarang melakukan pembunuhan, menghormati ibu bapa, larangan mencuri, bersikap jujur dan sebagainya (Mardzelah Makhsin, 2007).

Mengikut teori ini, masyarakat yang bermoral dan beretika ialah masyarakat yang mampu mempertahankan nilai-nilai hidup yang baik ke arah membina kesejahteraan dan kebajikan individu dan masyarakat. Hal ini kerana moral dan etika merupakan dua aspek yang

sangat penting dalam membina kekuatan dan ketahanan sesuatu masyarakat. Teori ini turut menjelaskan bahawa sesuatu masyarakat akan runtuh dan punah disebabkan nilai moral dan nilai etikanya yang lemah yang menyebabkan berlaku pelbagai wabak sosial yang membawa kehancuran dan kemusnahan (Abd Rahim Abd Rashid, 2001).

Tahap kebersihan persekitaran di negara ini secara umumnya bukanlah pada tahap yang baik. Lihat saja kebersihan rumah-rumah di kawasan pangsapuri lama, sungai, longkang, parit, kaki lima kedai, tepi jalan raya, pasar malam dan tempat-tempat lain dipenuhi dengan sampah sarap. Keadaan sebegini sesungguhnya telah diselenggara atau diberisihkan oleh pekerja tukang sapu kerajaan tempatan. Jika kita membayangkan sekiranya tiada pekerja tukang sapu yang membersihkan sampah-sampah tersebut, pastinya negara ini menjadi negara sampah sarap. Oleh yang demikian, apabila didasarkan kepada teori tersebut di atas, hal ini menggambarkan keadaan masyarakat negara ini secara umumnya mempunyai nilai murni, akhlak dan etika yang begitu lemah. Elemen kerohanian dalam sistem pendidikan negara ini yang meliputi nilai moral dan etika adalah perlu dilihat kembali maksud dan kedudukannya dalam membina masyarakat yang bertamadun.

## **KONSEP**

Beberapa konsep yang dikaitkan dengan teori di atas. Konsep dikaitkan bagi melihat perkara-perkara yang penting yang berkait dengan moral dan etika dalam pelbagai falsafah dan pemikiran.

### **A) Konsep Pendidikan Ibn Miskawaih**

Konsep pendidikan yang dibawa oleh Ibn Miskawaih adalah lebih berfokuskan kepada pendidikan akhlak. Dalam Islam, perihal etika dan moral dibincangkan dalam perihal akhlak. Akhlak yang dimaksudkan dalam Islam adalah perkara tentang moral dan etika melibatkan dengan keimanan, ketuhanan dan kebahagiaan yang hakiki. Matlamat akhir pendidikan berperanan membentuk tingkah laku yang mulia. Tingkah laku tidak terjadi dengan sendirinya. Membentuk sesuatu tingkah laku memerlukan latihan yang kerap supaya menjadi kebiasaan dan amalan secara sendirinya tanpa proses pemikiran. Ibn Miskawaih menyebutnya dengan perkataan/ kalimah akhlak. Menurut Ibn Miskawaih, akhlak merupakan bentuk jamak daripada khuluq yang bererti peri keadaan jiwa yang mengajak seseorang untuk melakukan

perbuatan-perbuatan tanpa difikirkan dan diperhitungkan sehingga menjadi fitrah manusia hasil daripada latihan-latihan yang telah dilakukan (Ernita Dewi, 2011, Halimatus Sa'diyah, 2011).

**B) Konsep Teori Teonum menurut Falsafah Thomas Aquinas**

Teori Etika Teonom membicarakan tentang norma-norma moral mengikut perintah dan suruhan Allah. Teonom adalah berasal daripada perkataan Latin iaitu "theos" yang bermaksud Tuhan dan "nomos" bermaksud hukum. Taat kepada Allah secara intrinsik (sifat atau ciri) menjadikan manusia bahagia kerana dengan demikian ia menemukan kepuaan dan kesempurnaan. Etika Thomas berkaitan dengan desakan dasar hati manusia ke arah kebahagiaan. Menurut Thomas, orang yang mengikuti tuntutan etika menjadi semakin pandai atau bijaksana dalam mengurus kehidupan menjadi semakin maju, dan bermakna. Etika Thomas de Aquinas tidak memisahkan antara ketaqwaan dan kebijaksanaan, begitu pula tidak antara keutamaan moral dan kebijaksanaan (Franz Magnis Suseno, 2007). Teori Teonom berlandaskan falsafah Kristian yang mendakwa perwatakan moral manusia ditentukan bersesuaian dengan perintah dan suruhan Tuhan. Tingkah laku manusia dianggap baik jika mengikut perintah Tuhan dan dianggap tidak baik jika melanggar perintah Tuhan. Teori ini banyak dijadikan pegangan oleh orang yang membicarakan tentang keagamaan. Namun teori ini tidak dibincangkan dengan pendekatan agama. Seperti mana pegangan agama-agama lain yang mengharapkan kebahagiaan ukhrawi selain mencapai kebahagiaan dunia semata-mata. Mencapai teknologi yang canggih tanpa keredaan tuhan hanyalah sebuah kejayaan yang palsu dan tidak akan memperoleh kebahagiaan yang sebenar.

**C) Konsep Falsafah Aristotle**

Aristotle membicarakan soal kebahagiaan sebagai matlamat terakhir dalam perbuatan dan tingkah laku manusia. Beliau menyeru supaya manusia mengikut kehendak diri sendiri di samping perlu patuh kepada Tuhan. Memang lumrah manusia mempercayai kewujudan Tuhan. Beliau mengetengahkan pendekatan berfikir terhadap sesuatu 'Hakikat Tertinggi (Realiti)' seseorang itu boleh mencapai kebahagiaan (eudaimonia). Berdasarkan perspektif falsafah, beliau cuba menghubungkan peranan manusia yang menggunakan akal dan yang bertindak sebagai manusia (ergon) untuk mencapai kebahagiaan yang tidak boleh dimiliki oleh makhluk yang lain (Ahmad Sunawari, 2006)

**D) Konsep Pendidikan menurut Imam al-Ghazali**

Menurut Imam al-Ghazali yang mendapat gelaran Hujjatul Islam, tujuan utama dalam pendidikan adalah mempertingkatkan nilai akhlak manusia sehingga mencapai tingkatan akhlak al-karimah. Etika dan moral dalam Islam dibincangkan dalam konsep akhlak yang mana konsep akhlak ada kaitannya dengan keimanan, ketaqwaan dan kebahagiaan hidup yang bersumberkan al-Quran dan sunnah. Pendidikan kebersihan sudah pasti secara langsung mempunyai kaitan dengan pembentukan akhlak. Pembentukan akhlak yang menjadi tujuan utama pendidikan menurut Imam Ghazali adalah bertepatan dengan misi kerasulan iaitu memperbaiki akhlak manusia bagi membentuk akhlak mulia yang mana ada hubungannya dengan Allah SWT. Imam al-Ghazali menyatakan tingkatan akhlak al-karimah hanya boleh dicapai mengikut aturan syariat Islam dengan sepenuhnya. Hal ini bertepatan dengan hadis riwayat Muslim daripada saidatina Aisyah RHA yang bermaksud "Akhlak Rasulullah SAW ialah al-Quran". Hal ini jelas menunjukkan falsafah pendidikan menurut Imam al-Ghazali adalah pembentukan akhlak mulia yang berteraskan al-Quran dan sunnah dan ini menjamin kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat .

**E) Konsep Falsafah Ibn Rusyd**

Ibn Rushd (1126-1198) menjelaskan falsafah ialah penyelidikan tentang alam wujud dan memandangnya sebagai jalan untuk menemui Maha Pencipta segala ciptaan.

**F) Konsep Falsafah al-Farabi**

Menurut al-Farabi tujuan utama pendidikan adalah untuk mencapai kesempurnaan dan kebahagiaan. Perspektif pendidikan yang dibawa oleh beliau adalah memperolehi pengetahuan dan ketrampilan, yang kemudian harus dikembangkan pada tujuannya iaitu membawa manusia kepada kesempurnaan. Menurutnya, kewujudan sifat rohani setelah adanya badan dan jiwa tidak berpindah-pindah dari satu badan ke satu badan yang lain. Jiwa merupakan kesempurnaan bagi benda yang memiliki kehidupan yang potensi. Beliau berpendapat akal dan wahyu adalah satu hakikat yang padu. Sebarang percubaan dan usaha untuk memisahkan kedua-dua elemen tersebut akan melahirkan sebuah negara yang pincang serta masyarakat yang kacau-bilau. Oleh itu, akal dan wahyu perlu dijadikan sebagai dasar kepada pembinaan sesebuah negara yang kuat, stabil dan makmur. Menurutnya lagi, manusia yang sempurna ialah manusia yang telah menguasai nilai-nilai murni dan

seterusnya mengamalkan dalam kehidupan dan menjadi teladan kepada orang lain.

### **Konsep Kebersihan Menurut Agama**

Perihal kebersihan mempunyai asasnya dalam kepercayaan agama. Walaupun program-program kebersihan dan alam sekitar dalam pendidikan melibatkan segenap lapisan masyarakat pelbagai kaum dan agama, setiap agama pasti membicarakan tentang kebersihan dan mempunyai signifikan tersendiri dalam kebersihan. Oleh itu, adalah memang sepatutnya dibincangkan dan tidak boleh diabaikan sama sekali perihal kebersihan yang juga dilihat pada sudut agama kerana pengaruh agama turut membentuk kurikulum dalam pendidikan serta etika dalam membentuk dasar-dasar negara. Bagi agama Islam, kebersihan sememangnya dihubungkan dengan keimanan kepada Allah SWT. Tuntutan menjaga kebersihan adalah berpandukan perintah Allah S.W.T melalui ayat-ayat suci al-Quran dan hadis. Menjaga kebersihan persekitaran seperti membuang duri yang mengganggu laluan dan menjaga kebajikan kejiraninan daripada sampah, bau dan bunyi. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

“Seseorang yang tidak pernah melakukan kebaikan kecuali membuang duri di jalan, sama ada pada pokok atau seseorang mencabut dan membuang di jalan, atau jatuh di situ, kemudian dia membuangnya, Allah menerima perbuatan baik tersebut dan dimasukkan ke dalam syurga”.

(Sunan Abi Daud hadis no. 5245)

Dalam ayat yang lain membahaskan perkara yang sama iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi bahawa Qutaibah menceritakan kepada kami daripada Malik bin Anas, daripada Sumai, daripada Abi Shaleh, daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Ketika seseorang yang berjalan tiba-tiba terjumpa cabang berduri lalu dia membuangnya, maka Allah berterima kasih kepadanya dan mengampuninya”.

(al-Adab al-Mufrad hadis no. 229)

Dalam ayat yang lain, daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Iman itu adalah 69 cabang. Maka yang utamanya ialah kalimah ”Laa ilaha illa allah” dan yang paling rendah adalah membuang kotoran dari jalan, dan malu itu cabang dari keimanan”.

(Sunan an-Nasai hadis no. 5005, Jami at-Tirmidzi hadis no. 2614, Riyad as-Solihin hadis no. 683)

Malah Rasulullah melarang umat manusia membuang kekotoran di kawasan persekitaran. Hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, dari Abu Hurairah berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Takutlah dua perkara yang menyebabkan dilaknat orang”. Sahabat bertanya: ”Apakah dua perkara yang menyebabkan dilaknat orang?” Sabda baginda: Orang yang membuang najis di tengah jalan orang ramai atau tempat teduh mereka”.

(Imam Muslim, 1980).

### **Tahap Pengetahuan, Kesedaran, Sikap Dan Tingkah Laku Dalam Kalangan Murid-Murid**

Dari aspek pengetahuan pelajar terhadap alam sekitar, asasnya apa yang dibekalkan dan disampaikan oleh guru itulah yang akan dipelajari justeru difahami oleh pelajar. Dalam satu kajian tentang pengetahuan dan tingkah laku murid terhadap alam sekitar mendapat, pengetahuan murid terhadap alam sekitar adalah tinggi (Nurul Hidayah, L. A. et al., 2013). Walau bagaimanapun, pengetahuan yang disampaikan melalui guru dan pengetahuan dalam buku teks Sains tahun 6 semata-mata tidak mencukupi bagi membentuk tindakan positif oleh murid-murid terhadap alam sekitar (Abdullah Liew et al., 2013). Kajian ini memberi maksud bahawa kesedaran murid-murid terhadap alam sekitar adalah sangat rendah atau tiada kesedaran walaupun tahap pengetahuan murid-murid terhadap alam sekitar tinggi.

Pengetahuan murid yang tinggi masih belum dapat mendorong murid-murid bertindak positif terhadap alam sekitar. Corak yang sama akan terhasil iaitu tiada kesedaran walaupun usaha menambahkan lagi pengetahuan dan tajuk dalam buku teks Sains. Penambahan pengetahuan dan penambahan bahan bacaan dalam buku teks tidak mendorong tindakan positif murid-murid terhadap alam sekitar. Hal ini

memberi pesanan kepada kita bahawa fokus dan input dalam pengajaran dan pembelajaran dan pendidikan tidak formal serta sistem pendidikan bagi pendidikan alam sekitar haruslah dilihat dari sudut yang lain yang tidak ditumpukan pada pengetahuan dan intelek murid-murid.

Amir Hamzah Sharaai dan Chin Chee Keong dalam kajian mereka iaitu kajian tentang sikap dan amalan murid sekolah rendah mengenai konsep lestari mendapatkan bahawa pengetahuan murid tentang konsep lestari adalah pada tahap sederhana, manakala amalan dan sikap kelestarian pula adalah pada tahap yang baik. Pengetahuan murid yang sederhana tetapi amalan mereka yang baik menunjukkan bahawa dua perkara yang berasingan iaitu tiada perkaitan antara pengetahuan dengan amalan (Amir, H. S. & Chin, C. K., 2012). Hal ini menggambarkan bahawa murid sekolah rendah masih tidak banyak faham tentang konsep-konsep lestari yang diajar. Walau bagaimanapun, prestasi amalan murid adalah pada tahap yang baik. Penulis berpandangan bahawa amalan mereka pada prestasi yang baik adalah kerana murid-murid telah mengamalkan amalan lestari seperti jimat penggunaan air dan elektrik, menjaga kebersihan dan menanam pokok tanpa mengetahui amalan-amalan tersebut merupakan amalan lestari.

Aktiviti bersama warga sekolah yang memupuk semangat kerjasama antara mereka telah membentuk amalan dan sikap mereka yang positif. Anggapan penulis dalam perkara ini dibina atas dasar teori pembelajaran sosial iaitu Teori Pemodelan iaitu murid-murid mencontohi amalan yang ditunjukkan oleh guru mereka dan mempraktikkannya. Secara ringkas, teori ini merupakan pembelajaran dan pembentukan tingkah laku yang mana individu meniru tingkah laku individu yang signifikan dalam hidupnya seperti seseorang meniru gaya artis yang diminati, meniru tingkah laku guru dan ibu bapa serta meniru gaya dan pemikiran tokoh yang dianggap mulia atau hebat. Tingkah laku individu yang signifikan bagi seseorang berupaya mempengaruhi tingkah laku orang tersebut.

Sebuah kajian yang lain tentang nilai amalan kebersihan dalam kalangan pelajar sekolah menengah mendapatkan bahawa kesedaran pelajar terhadap amalan nilai kebersihan adalah masih rendah. Sebanyak enam amalan yang dilihat dalam kajian tersebut iaitu; amalan mengutip dan membuang sampah sendiri, amalan mengutip dan membuang sampah orang lain, amalan menjalankan tugas harian

**59 | Penerapan Elemen Kerohanian dalam Program Penjagaan Kebersihan  
Sekolah Menengah di Negeri Selangor Darul Ehsan**

kebersihan, amalan menconteng, amalan menasihati pelajar lain agar menjaga kebersihan kawasan sekolah serta amalan melaporkan kepada pihak sekolah (Rosidah Asmawi, 2006).

Dalam kajian oleh Tamby Subahan Mohd Meerah et al. mendapatkan bahawa tahap warga alam sekitar dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah adalah pada tahap rendah ke sederhana. Konsep warga alam sekitar yang dimaksudkan adalah penyertaan dan penglibatan secara aktif warga bergerak kearah pengekalan alam dan persekitaran. Komponen-komponen dalam konsep warga alam sekitar yang dilibatkan adalah komponen pengetahuan, sikap, kemahiran dan penyertaan dalam alam sekitar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan bukan berfokuskan kepada pengetahuan dan intelek semata-mata, malah pendidikan tidak formal dan penerapan nilai-nilai kerohanian tidak kurang diperlukan dan perlu lebih ditekankan. Guru boleh mengukur pengetahuan murid-muridnya tentang alam sekitar sama ada semasa pengajaran dan pembelajaran atau markah yang diperoleh murid-murid dalam peperiksaan, akan tetapi sikap, kemahiran dan penyertaan murid-murid tentang alam sekitar tidak dapat diukur dengan cara tersebut. Guru-guru hendaklah memberi input-input kerohanian tentang ganjaran dan balasan apabila melakukan sebarang aktiviti terhadap alam dan kawasan persekitaran.

**Tahap Pengetahuan, Kesedaran, Sikap Dan Tingkah Laku dalam Kalangan Mahasiswa**

Sebuah kajian yang dilakukan oleh Tan Pei San & Norzaini Azman tentang tingkah laku alam sekitar yang mana pelajar universiti sebagai responden. Hasil kajian tersebut mendapatkan bahawa tahap komitmen responden terhadap alam sekitar adalah pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, tingkah laku mesra alam sekitar dalam kalangan pelajar tersebut adalah rendah. Selain itu juga, hasil kajian mendapatkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komitmen terhadap alam sekitar dengan tingkah laku mesra alam sekitar (Tan, P. S. & Norzaini, A., 2011).

**Tahap Pengetahuan, Kesedaran, Sikap Dan Tingkah Laku Dalam Kalangan Belia**

Dalam sebuah kajian persepsi dan penyertaan terhadap kefahaman tentang warga alam sekitar mendapatkan bahawa masyarakat belia negara ini pada hakikatnya telahpun sedar dan faham akan kepentingan persekitaran yang baik. Akan tetapi sikap tidak peduli terhadap

kebajikan orang lain atau pemeliharaan persekitaran sangat menebal dalam kalangan masyarakat negara ini (Abdul Latiff Ahmad et al., 2012). Sikap tidak peduli ini menunjukkan bahawa lemahnya nilai dan kerohanian masyarakat terhadap orang lain dan persekitaran. Menurut kajian lagi mendapati bahawa salah satu sebab persoalan ini adalah amalan yang sangat lemah sekali. Tiada role model yang dapat memberi rangsangan kepada masyarakat supaya amalan menjaga persekitaran menjadi budaya dalam masyarakat kita dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kepentingan komuniti kebanyakannya dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan seperti badan agama dan persatuan yang mana aktiviti-aktiviti komuniti tersebut adalah tidak formal (Abdul Latiff Ahmad et al., 2012). Hal ini secara tidak langsung memberi mesej kepada masyarakat bahawa penjagaan alam sekitar bukanlah matlamat utama atau perkara yang tidak begitu penting. Selain daripada itu, sikap tidak peduli terhadap kebajikan orang lain juga dikatakan hilangnya sikap bertanggungjawab dalam sistem masyarakat.

### **Halangan Di Peringkat Sekolah**

Di peringkat sekolah turut wujud pelbagai halangan yang berlaku dalam kalangan pentadbiran dan warga pendidik itu sendiri. Sebuah kajian tentang tahap pengetahuan, sikap, kesedaran dengan kepemimpinan pendidikan alam sekitar Pengetua sekolah mendapati bahawa pengetua sekolah masih tidak mengambil kira faktor atau elemen persekitaran alam semula jadi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah walaupun pengetua memiliki sikap yang positif terhadap alam sekitar selari dengan tahap kesedaran mereka yang tinggi (Azizi, M. et al. n. d.). Tiada rasa tanggungjawab atau sensitiviti terhadap persekitaran. Mereka sentiasa mengejar kemajuan fizikal semata-mata sehingga sanggup mengambil ringan tanggungjawab terhadap alam sekitar.

### **Kesedaran Dan Nilai Kerohanian Ibu Bapa**

Dalam satu kajian tentang kesedaran alam sekitar yang mendakwa bahawa peranan ibu bapa dalam mempengaruhi tingkah laku dan persepsi anak-anak terhadap alam sekitar adalah cukup signifikan kerana mereka merupakan individu yang paling hampir dan merupakan “guru” yang pertama kepada anak-anak di rumah (Abdullah et al., 2013). Sikap dan tingkah laku anak-anak yang tidak berakhhlak kepada alam dan persekitaran menunjukkan bahawa ibu bapa tidak berakhhlak mulia terhadap alam dan persekitaran kerana ibu bapa yang menjadi

contoh kepada anak-anak mereka. Ibu bapa turut mendapat pendidikan daripada sistem pendidikan negara yang sama.

### **Peranan Dalam Pendidikan**

Dari aspek kurikulum, sillabus mengenai Pendidikan Alam Sekitar dalam Pendidikan Sains sememangnya mengandungi pengetahuan tentang alam sekitar untuk kedua-dua peringkat kurikulum iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Tahap 1 dan 2. KBSR tahap 1 mengandungi pengetahuan tentang alam sekitar manakala KBSR tahap 2 pula mengandungi topik alam sekitar yang lebih spesifik, penyiasatan benda-benda hidup atau alam sekitar. Walaupun pengetahuan tentang alam sekitar telah diajar kepada murid-murid seawal Tahun 1, namun aspek kesedaran dan perubahan tingkah laku positif murid-murid terhadap alam sekitar adalah lebih bergantung pada usaha guru sendiri (Sharifah Zarina, S., Z. & Lilia, H., 2009). Dalam sistem pendidikan formal negara kita yang sekular mana mungkin akan menerangkan tentang pahala dan dosa dalam subjek-subjek sains tulen dan sains sosial. Oleh itu, peranan tambahan oleh guru matapelajaran amat diperlukan dalam membentuk sikap dan tingkah laku murid-murid.

Tanggungjawab mendidik dan membentuk jati diri masyarakat dalam membentuk amalan yang mulia seperti menjaga kebersihan sungai, menjaga kebersihan tandas awam, mengamalkan kitar semula dan menjaga kebersihan persekitaran awam perlu ditumpu kepada institusi pendidikan. Langkah kerajaan memupuk budaya mulia masyarakat seperti kitar semula melalui inisiatif pihak kerajaan tempatan adalah kurang berkesan. Tanggungjawab mendidik amalan mulia seperti ini sememangnya bertumpu pada institusi pendidikan yang merangkumi aspek pengetahuan dan pelaksanaan yang harus dilaksanakan secara berterusan dengan penuh kejujuran. Amalan kitar semula sebagai contoh, pada tahun 1993, buat pertama kali Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan program kitar semula. Walau bagaimanapun, program ini tidak berjaya dalam mencapai matlamatnya. Pada tahun 2000, sekali lagi KPKT melancar program yang sama turut tidak mencapai matlamat yang diharapkan iaitu peningkatan satu peratus dalam kitar semula tahunan. Sehingga kini, aktiviti kitar semula didapati bukanlah suatu tabiat warga Malaysia dalam menguruskan sampah (Seow Ta Wee & Indera Syahrul Mat Radzuan, 2010).

Kebergantungan terhadap kurikulum untuk memupuk kesedaran, sikap dan tingkah laku dalam mendidik murid-murid menjaga kebersihan kawasan persekitaran adalah tidak berkesan. Elemen kerohanian dalam pendidikan tidak formal perlu diterapkan agar jati diri dan murid-murid terhadap kebersihan persekitaran terbina. Dalam satu kajian Arba'at Hassan & Mohd. Zaid Ismail (2011), menemukan satu dapatan kajian yang mendapati bahawa tidak terdapat sebarang perkaitan hubungan yang berlaku antara pengajaran alam sekitar dalam subjek tertentu dengan kesedaran dan sikap murid-murid terhadap alam sekitar. Kajian tersebut menjelaskan jadual kelas yang begitu padat dan tempoh masa pengajaran yang begitu terhad tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada murid-murid agar dengan kefahaman tersebut dapat mempengaruhi kesedaran dan sikap murid-murid terhadap alam sekitar. Oleh sebab yang demikian, dalam kajian tersebut mendapati hampir semua guru bersetuju dengan pendapat bahawa matlamat kesedaran dan sikap murid-murid terhadap alam sekitar tidak sesuai dilaksanakan dengan berfokuskan dalam peperiksaan sebagai penilaian sebaliknya aktiviti-aktiviti luar atau praktikal yang lebih berkesan mengukur kesedaran dan sikap terhadap alam sekitar kerana dengan aktiviti-aktiviti luar murid-murid akan memperolehi pengalaman yang terus daripada alam sekitar. Pengalaman tersebut yang membentuk kesedaran dan sikap murid-murid terhadap alam sekitar sekitar (Arba'at Hassan & Mohd. Zaid Ismail, 2011).

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, tingkah laku dan sikap masyarakat terhadap kebersihan persekitaran masih lagi di tahap rendah atau kurang baik. Pengetahuan murid-murid terhadap penjagaan alam sekitar adalah tinggi dan kesedaran murid-murid terhadap alam sekitar sederhana. Pengetahuan yang tinggi masih tidak mendorong masyarakat bertingkah laku positif terhadap alam sekitar. Dalam pendidikan tidak harus diberikan tumpuan kepada aspek pengetahuan sahaja. Elemen kerohanian perlu juga ditikberatkan dalam membina jati diri dan nilai-nilai murni. Elemen kerohanian dalam pendidikan formal dan tidak formal perlu diperkasa dalam sistem pendidikan agar dapat meningkatkan sikap positif murid-murid terhadap penjagaan kebersihan persekitaran seterusnya menjadi tingkah laku. Sentiasa merujuk semula dan sentiasa mengamalkan garis panduan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah amat penting agar masyarakat kita lebih seimbang. Tahap pengetahuan masyarakat terdapat pelbagai

**63 | Penerapan Elemen Kerohanian dalam Program Penjagaan Kebersihan  
Sekolah Menengah di Negeri Selangor Darul Ehsan**

bidang amat baik akan tetapi akhlak masyarakat adalah begitu menghamparkan tidak sepadan dengan ketinggian pengetahuan yang diperolehi. Penulis mengaitkan aspek rohani dengan konsep pahala dan dosa iaitu mengamalkan perbuatan yang baik dan menghindari daripada melakukan kerosakan dan kemusnahan atau sebarang perbuatan yang menyumbang ke arah tersebut kerana kedua-duanya akan mendapat balasan.

**RUJUKAN**

- Abdullah, Nurul Hidayah Liew and Shafii, Haryati and Seow, Ta Wee (2013). *Pengetahuan dan tingkah laku murid terhadap alam sekitar: satu kajian awal*. In: Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke 4, 5-6 Mac 2013, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
- Abdul Latiff Ahmad, Samsudin A. Rahim, Latiffah Pawanteh & Fauziah Ahmad (2012). The Understanding of Environmental Citizenship among Malaysian Youth: A Study on Perception and Participation. *Canadian Center of Science and Education*, 8, 5, 85-92.
- Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd
- Abdullah, Nurul Hidayah Liew and Shafii, Haryati and Seow, Ta Wee (2013). Pengetahuan Murid dan perkaitan Ibu Bapa Terhadap Kesedaran Alam Sekitar : Satu Kajian Awal. *Jurnal Teknologi (Social Science)*, 64 : 1, 51 -57.
- Amir Hasan Dawi (1999). Penteorian Sosiologi Dan Pendidikan. Perak: Quantum Books.
- Amir H., S., & Chin C., K. (2012). Sikap dan Amalan Murid Sekolah Rendah dalam Konsep Lestari. Persidangan Kebangsaan Pembangunan dan Pendidikan Lestari 2012, 19-20 September 2012, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam Pulau Pinang.
- Arba'at Hassan & Mohd. Zaid Ismail (2011). The infusion of Environment Education (EE) in chemistry teaching and students' awareness and attitudes towards environment in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 15, 3404-3409.
- Azizi, M., Masitah, M. Y., Nazifah, S. I., Khairdir, A., & Noriat A. R. (n. d.). Hubungan Antara Tahap Pengetahuan, Sikap, Kesedaran Dengan Kepemimpinan Instruksional Pendidikan Alam Sekitar Dalam Kalangan Pengetua Di Negeri Kedah Dan Pulau Pinang. Diambil dari <http://www.medc.com.my/medc/journals/volume5/D%29%20Hubungan%20Antara%20Tahap%20Pengetahuan.pdf>

**64 | Penerapan Elemen Kerohanian dalam Program Penjagaan Kebersihan  
Sekolah Menengah di Negeri Selangor Darul Ehsan**

- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusof, B., & Abdul Rahim, H. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi data*. PTS Pendidikan.
- Ernita Dewi, 2011. Akhlak dan Kebahagiaan Hidup Ibnu Maskawaih. *Jurnal Substantia*, 13, 2.
- Franz Magnis Suseno (2007). 13 Tokoh Etika Sejak Zaman Yunani Sampai Abad ke-19. Yogyakarta: Kanisius.
- Imam Muslim (1980). *Shahih Muslim*. Terjemahan oleh H. A. Razak & H. Rais Lathief. Jakarta. Pustaka Al-Husna
- Halimatus Sa'diyah (2011). Konsep Pendidikan Akhlak Perspektif Ibn Miskawaih. *Tadris*. 6, 267-279.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2018, 23 Julai). Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia. Diambil daripada [http://www.moh.gov.my/index.php/database\\_stores/store\\_view\\_page/2/1019](http://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/store_view_page/2/1019)
- Mardzelah Makhsin (2007). Sains Pemikiran & Etika. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Rosidah Asmawi (2006). *Kesedaran Nilai Amalan Kebersihan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Master. Diambil daripada Universiti Malaya. LB7 UM 2006 Rosa
- Seow Ta Wee & Indera Syahrul Mat Radzuan, (2010). Sikap Masyarakat Terhadap Program Kitar Semula: Kajian Kes Di Daerah Batu Pahat, Johor. *Jurnal of Techno-Social*, 2, 1.
- Syed Arabi, I. (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Pei San & Norzaini Azman (2011). Hubungan antara Komitmen Terhadap Alam Sekitar dengan Tingkah Laku Mesra Alam Sekitar dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal personalia Pelajar*, 14, 11-22.

*Mohd Taufik Mohd Ayup  
(Pelajar Sarjana)  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang. Selangor  
E-mail: taufikayub@upm.edu.my*

*Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Dr  
(Pensyarah Kanan)  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang. Selangor  
E-mail: ahmadnasir@upm.edu.my*